

PENTERJEMAHAN KATA KERJA BAHASA MANDARIN KEPADA BAHASA MELAYU: 说 (SHUO 'BERKATA')

*Goh Sang Seong
Mashudi Kader*

Abstrak

Kajian ini mengkaji padanan kata kerja bahasa Mandarin 说 (shuo 'berkata') kepada bahasa Melayu dalam terjemahan antologi cerpen bahasa Mandarin-bahasa Melayu. Antologi berkenaan berjudul *Cerpen Pilihan Sastera Manhua III: Dalam Hujan Renyai*. Kajian ini bertujuan meneliti ketepatan pemilihan kata padanan bahasa Melayu oleh enam orang penterjemah terpilih dalam antologi tersebut. Sebanyak sepuluh kata bahasa Mandarin dan kata padanannya dalam bahasa Melayu dikaji, akan tetapi hanya kata padanan bagi kata kerja 说 (shuo 'berkata') sahaja dinyatakan di sini. Walau bagaimanapun, implikasinya bagi sembilan kata kerja yang lain ada disebutkan. Kajian ini mendapati wujudnya berbagai-bagai kata padanan kata bahasa Melayu bagi satu kata kerja 说 (shuo 'berkata') bahasa Mandarin. Antara kesan yang nyata daripada fenomena ini dalam teks terjemahan yang dikaji ialah kehadiran pelbagai ragam *output* terjemahan: iaitu, terjemahan tepat, terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan, dan terjemahan salah. Bilangan kata padanan yang memberikan terjemahan tepat jauh melewati bilangan yang menimbulkan *output* terjemahan yang lain. Pada amnya, makna kata kerja dalam konteks berkenaanlah yang terutamanya menjadi penentu bagi pemilihan kata padanan yang sesuai dalam bahasa Melayu.

Abstract

This article studies the word-equivalence of Mandarin verb 说 (shuo 'to say') in Malay as found in an anthology of short stories translated from the Mandarin original texts. The anthology is entitled Cerpen Pilihan Sastera Manhua III: Dalam Hujan Renyai (Selected Literary Short Stories Manhua III: During a Drizzle). The article aims at study-

ing the appropriateness of word-equivalence selection in Malay by six different translators in the anthology. A total of ten Mandarin words and their respective word-equivalences in Malay were studied, but for the purpose of this paper only the case of the Mandarin verb 说 (shuo ‘to say’) and its Malay equivalences were reported in some detail here. Nonetheless, the implication it had on the remaining nine Mandarin verbs and their respective equivalences were also mentioned. It was found that there were multiple word-equivalences in Malay for the one Mandarin verb 说 (shuo ‘to say’). Among the obvious consequences of such a phenomenon in the translation works under study were the existence of various types of translation output such as appropriate (correct) translation, over translation, under-translation and incorrect translation. The word equivalences that gave accurate translation far surpassed those giving inaccurate ones. On the whole it was the contextual meaning of the verb that essentially determined the selection of the appropriate word-equivalence in Malay.

PENDAHULUAN

Kajian ini akan memperlihatkan beberapa banyak kata padanan bagi kata kerja bahasa Mandarin 说 (shuo ‘berkata’) kepada bahasa Melayu yang juga memberikan keadaan konteks bagi setiap satu kata padanannya. Data bagi kajian ini dikumpulkan daripada enam buah teks sasaran yang diterbitkan dalam *Cerpen Pilihan Sastera Mahua III: Dalam Hujan Renyai* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). Teks sumbernya adalah seperti dalam senarai Lampiran 1.

Pengkaji telah mengaplikasikan himpunan beberapa banyak teori semantik dan penterjemahan untuk mengkaji dan meneliti ketepatan kata padanan kata kerja 说 (shuo ‘berkata’). Himpunan teori tersebut merangkumi teori penterjemahan tentang padanan kata Newmark (1981), teori semantik Kempson (1977), teori semantik Chierchia, dan McConnell-Ginet (1990) tentang makna kata kerja, dan analisis komponen makna oleh Nida (1975) tentang makna hakiki dan makna komposisi argumen-argumen serta makna konteks.

Sebanyak enam buah teks sumber yang telah diterjemahkan oleh enam orang penterjemah ke dalam teks sasaran telah dipilih sebagai data kajian. Pemilihan teks kajian berdasarkan dua kriteria berikut:

- i. Teks sumber dan teks sasaran dapat diperoleh.

- ii. Memilih sebuah terjemahan secara rambang daripada setiap penterjemah.

Seterusnya, pengkaji mula menjalani kajian berdasarkan langkah-langkah yang berikut:

- i. Meneliti kedua-dua teks kajian bahasa Mandarin dan teks kajian bahasa Melayu sebelum mengumpul kesemua kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan padanannya yang ada dalam teks kajian.
- ii. Menganalisis semua kata padanan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’).

Oleh sebab data kata kerja yang berjaya dikutip daripada teks sumber adalah secara manual, maka pengkaji tidak menafikan ada kemungkinan berlakunya keadaan yang kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) atau kata padanannya dalam teks sasaran gagal dikutip akibat kecuaian manusia yang tidak dapat dielakkan.

Kajian asal kami telah meneliti sepuluh kata kerja bahasa Mandarin yang terdiri daripada 126 kata padanan dalam bahasa Melayu. (Lihat senarai tuntas dalam Lampiran II). Bagi maksud makalah ini hanya kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dilaporkan. Kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dipilih bagi kajian ini kerana terdapat 42 kata padanan dalam teks sasaran. Daripada 42 kata padanan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) ini, sebanyak 27 kata padanan (64 peratus) ialah terjemahan tepat, dua kata padanan (lima peratus) ialah terjemahan berkurangan, tujuh kata padanan (17 peratus) ialah terjemahan berlebihan dan enam kata padanan (14 peratus) ialah terjemahan salah. Selepas ini, setiap satunya akan dibincangkan.

Kata padanan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) yang berupa terjemahan tepat mengikut konteks adalah seperti dalam (1) yang memberikan senarai padanan dan lokasi contoh konteks kehadirannya:

(1) Senarai kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan kata padanan bahasa Melayu:

Bil.	Kata Padanan	Contoh Teks Kehadiran	Jenis Padanan
1.	kata	2 a/b	Tepat
2.	membacakan	7 a/b	Tepat
3.	bercakap	8 a/b	Tepat
4.	ujar	9 a/b	Tepat
5.	menceritakan	10 a/b	Tepat

Bil.	Kata Padanan	Contoh Teks Kehadiran	Jenis Padanan
6.	sahut	11 a/b	Tepat
7.	mengucap	12 a/b	Tepat
8.	menjawab	13 a/b	Tepat
9.	berpidato	14 a/b	Tepat
10.	desak	15 a/b	Tepat
11.	memberitahu	16 a/b	Tepat
12.	sambut	17 a/b	Tepat
13.	menyoal	18 a/b	Tepat
14.	pujuk	19 a/b	Tepat
15.	berpesan	20 a/b	Tepat
16.	meneruskan	21 a/b	Tepat
17.	mengadu	22 a/b	Tepat
18.	balas	23 a/b	Tepat
19.	usul	24 a/b	Tepat
20.	tingkah	25 a/b	Tepat
21.	tegas	26 a/b	Tepat
22.	mengeluh	27 a/b	Tepat
23.	menyatakan	28 a/b	Tepat
24.	disebut	29 a/b	Tepat
25.	merancang	30 a/b	Tepat
26.	menurut	31 a/b	Tepat
27.	puji	32 a/b	Tepat

Daripada (1), ternyata 说 (*shuo* ‘berkata’) mendapat kata padanan yang pelbagai mengikut kesesuaian konteks dalam teks sasaran bahasa Melayu. Kaedah perbandingan dan pengukuran makna yang digunakan untuk menentukan kesesuaian kata padanan ialah timbunan ukuran teori fungsian Kempson (1977), pernyataan logik Chierchia dan McConnell-Ginet (1990), dan komponan makna Nida (1975). Kami akan tunjukkan bahawa kata padanan kata dalam bahasa Melayu bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) adalah tepat. Dalam (2a) dan (2b) di bawah, (2a) memberi teks sumber, transliterasi, glos dan maknanya; (2b) ialah teks sasaran bagi (2a):

2a. 妈听人家说，如果父母中有一人是公民，孩子就好做登记

Transliterasi : *Ma ting ren jia shuo, ru guo fu mu qi zhong yi ren shi gong min, hai zi jiu hao zuo deng ji.*

Glos : Ibu dengar orang lain berkata, jika bapa ibu antara ada seorang ialah warganegara, anak maka baik membuat pendaftaran.

Makna : ‘Ibu terdengar orang berkata bahawa jika salah seorang daripada ibu bapanya ialah warganegara, maka anaknya boleh memohon kad pengenalan.’

b. Kata orang, sekiranya salah seorang daripada ibu atau bapa memiliki sijil kerakyatan, maka mudahlah anaknya memohon kad pengenalan. Ternyata, kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (2a) telah diberi padanan kata dalam bahasa Melayu seperti dalam (2b). Masukan leksikal bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (2a) adalah seperti dalam (3) berikut:

(3) 说 (*shuo* ‘berkata’): (maklumat tambahan tentang notasi ada dalam Lampiran 3)

$+k$ $+k(\underline{x},y)z$ $[\$ \underline{x},y,z;k(\underline{x} \text{ (agen)}, y(\text{matlamat}) \text{ tahu}, z(\text{objek})]$	$\left. \right $
---	------------------

Notasi (3) bermaksud, 说 (*shuo* ‘berkata’) ialah kata kerja (+k); ada argumen (x), argumen (y) dan (z); (x) sebagai agen melakukan kata kerja (k) dengan mengujarkan objek (z) dan menyebabkan (y) sebagai matlamat tahu. Argumen (x), argumen (y) dan objek (z) dalam (3) dapat dijelaskan seperti dalam (4) berikut:

(4) Argumen (x) : ‘大 家’ (*da jia* ‘orang lain’) [+N, +agen, +manusia, -haiwan, ±wanita] (iaitu, ia kategori nama, berfungsi sebagai agen, dia manusia, bukan haiwan, dan boleh jadi lelaki/perempuan), argumen (y): ‘妈’ (*ma* ‘ibu’) [+N, +matlamat, +manusia, -haiwan, +wanita] (iaitu, ia kategori nama, berfungsi menjadi matlamat, dia manusia, bukan haiwan, dan wanita), dan objek(z): ‘如 果 父 母 中 有 一 人 是 公 民 ， 孩 子 就 好 做 登 记’ (*ru guo fu mu zhong you yi ren, hai zi jiu hao zuo deng ji* ‘jika salah seorang daripada ibu bapanya ialah warganegara, maka anaknya boleh memohon kad pengenalan’) [+N, +objek, +pernyataan, -arah] (iaitu, ia kategori nama, berfungsi sebagai objek, berciri pernyataan, dan bukan arahan).

Oleh itu, daripada maklumat tentang hubungan dan peranan argumen (\underline{x}), (y) dan (z), kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (2a) perlu hadir dalam lingkungan frasa nama manusia sebagai subjek, kata nama pernyataan sebagai objek dan kata nama manusia sebagai matlamat.

Dalam (2b) kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) ini telah diberi padanan kata yang masukan leksikalnya adalah seperti dalam (5) berikut:

(5) kata

$$\left[\begin{array}{l} +k \\ +k(\underline{x},y)z \\ [\$, \underline{x},y,z;k (\underline{x} \text{ (agen)}, y \text{ (matlamat)} \text{ tahu}, z \text{ (objek)})] \end{array} \right]$$

Notasi (5) bermaksud, kata ialah kata kerja (+k); ada argumen (\underline{x}), argumen (y) dan (z); (\underline{x}) sebagai AGEN melakukan kata kerja (k) dengan mengujarkan objek (z) dan menyebabkan (y) sebagai matlamat tahu. Argumen (\underline{x}), argumen (y) dan objek (z) dalam (3) dapat dijelaskan seperti dalam (6) berikut:

(6) Argumen (\underline{x}): orang [+N, +agen, +manusia, -haiwan, ±wanita], argumen y : ibu [+N, +matlamat, +manusia, -haiwan, +wanita], objek (z): sekiranya salah seorang daripada ibu atau bapa memiliki sijil kerakyatan, maka mudahlah anaknya memohon kad pengenalan [+N, +objek, +pernyataan, -arah].

Argumen (y); iaitu ibu tidak disebut dalam (2b), akan tetapi dapat dikesan melalui rujukan kepada ayat sebelumnya dalam teks sasaran.

Oleh itu, daripada maklumat tentang hubungan dan peranan argumen (\underline{x}), (y) dan (z), kata kerja kata dalam (2b) kena hadir bersama dengan frasa nama manusia sebagai frasa nama subjek, kata nama pernyataan sebagai objek dan kata nama manusia sebagai matlamat.

Melalui pernyataan logik dalam (3) dan (5) serta kandungan fitur-fitur makna pada argumen dalam (4) dan (6), kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan padanan kata kerja kata masing-masing mempunyai argumen (\underline{x}), argumen (y) dan objek (z) yang sama fungsinya. Oleh itu, hubungan antara argumen yang sama bagi kedua-dua kata kerja ini serta kandungan fitur-fitur makna pada argumen berkaitan menunjukkan bahawa makna kedua-dua kata kerja tersebut adalah sepadan. Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa padanan kata kerja kata dalam (2b) ialah terjemahan tepat bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (2a).

Dalam makalah yang pendek ini, kami hanya mengemukakan analisis

bagi satu contoh kata padanan 说(shuo ‘berkata’), iaitu kata. Analisis kata-kata padanan yang lain dalam (1) tidak diberi di sini. Bagi yang berminat melihatnya, sila rujuk Goh Sang Seong (2003). Apabila kaedah dalam (3) hingga (6) digunakan bagi kata-kata padanan lain dalam (1) di atas, ternyata kesemuanya sesuai. Yang berikut (7a-b) hingga (32a-b) ialah contoh-contoh bagi (26) konteks kata padanan 说(shuo ‘berkata’) yang lain:

7a. 秀琪将纸接到火光前，头也不抬地说给火平叔听...。

Transliterasi : *Xiu Qi jiang zhi jie dao huo guang qian, tou ye bu tai de shuo gei Huo Ping shu ting....*

Glos : *Xiu Qi* (kata pasif) kertas bawa ke api cahaya depan, kepala juga tidak dongak (kata bantu) berkata kepada Huo Ping pak cik dengar.

Makna : ‘Xiu Qi mendekatkan surat itu dengan pelita lalu mem-bacakannya kepada Pak Cik Huo Ping....’

b. ‘Kemudian kepala yang rambutnya berserabut itu didekatkan ke pelita. Xiu Qi membacakan isi surat itu kepada ayahnya.’

8a. 顺海嫂趋前拍着她的肩头，和祥地说。

Transliterasi : *Shun Hai Sao qu qian pai zhe ta de jian tou, he xiang de shuo.*

Glos : Shun Hai mak cik tampil depan menepuk sedang dia punya bahu kepala, mesra (kata bantu) berkata.

Makna : ‘Mak Cik Shun Hai mara ke depan sambil menepuk-nepuk bahunya, lalu bercakap dengan mesra.’

b. Mak Cik Shun Hai menepuk-nepuk bahunya sambil bercakap dengan nada yang lembut.

9a. “父亲的事已经在二十年前结束了。”我说。

Transliterasi : “*Fu qin de shi yi jing zai er shi nian qian jie shu le.*” *Wo shuo.*

Glos : “Bapa punya hal sudah pada 20 tahun dahulu tamat sudah,” saya berkata.

Makna : “Hal pasal bapa sudah selesai 20 tahun yang lepas,” kata saya.’

b. “Ayah dah tiada sejak 20 tahun dahulu,” ujarku.

10a....也的妈妈便四处对邻居们说：“我们的阿强呀，所交陪的朋友都是有名望的人物啊！”

Transliterasi : *Ta de ma ma bian si chu dui lin ju men shuo;* “Wo men de A Qiang ya, suo jiao pei de peng you dou shi you ming wang de ren wu a!”.

Glos : Dia punya ibu maka merata-rata dengan jiran (jamak) berkata “kami punya A Qiang, yang dikenal punya kawan semuanya ialah ada nama punya orang ah!”

Makna : ‘Maka ibunya berkata kepada jiran-jirannya: “Ah, kawan yang dikenali A Qiang semuanya orang kenamaan!”

b. Ibunya sering menceritakan kisah tentang dirinya kepada jiran tetangga.

11a. “从来没有音讯，去也没有用啊！”我说。

Transliterasi : “*Cong lai mei you yin xun, qu ye mei you yong a ! Wo shuo....*”

Glos : “Tidak pernah ada berita, pergi pun tidak berguna! Saya berkata....”

Makna : “Tidak pernah ada berita daripadanya, pergi pun tak guna!”
Kata aku.”

b. “Sejak dahulu dah putus khabar, tak guna pergi!” sahutku.

12a. “多谢你了。”母亲激动地说。

Transliterasi : *Duo xie ni le. Mu qin ji dong de shuo.*

Glos : Banyak terima kasih awak sudah, ibu terharu (kata sendi) berkata.

Makna : ‘Banyak terima kasih kepada kamu, kata ibu dengan terharu.’

b. “Terima kasih banyak!” Ibu mengucapkan dengan terharu.

13a. 苏莱曼说：“可是假如我们失去土地，就等于失去一切！

Transliterasi : *Su lai man shuo:* “Ke shi jia ru wo men shi qu tu di, jiu deng yu shi qu yi qie!”

Glos : Sulaiman berkata: “Tetapi jika kita kehilangan tanah, jadi samalah dengan kehilangan segala-galanya!”

Makna : ‘Sulaiman berkata: “Jika kita kehilangan tanah, jadi

PENTERJEMAHAN KATA KERJA BAHASA MANDARIN KEPADA BAHASA MELAYU

bermaksud kita kehilangan segala-galanya juga.””

- b. Sulaiman menjawab: “Tapi kalau kita kehilangan tanah, bererti habislah semua!””

14a. ... 卡林再向众人说...。

Transliterasi : ... *La Ling zai xiang zhong ren shuo*....

Glos : ... Karim lagi kepada orang ramai berkata....

Makna : ‘Karim berkata lagi kepada orang ramai....’

- b. ... Karim berpidato lagi kepada orang ramai....

15a. “我昨天已来过了，你母亲叫我问你，你就现在考虑吧！”仄乌信说。

Transliterasi : “*Wo zuo tian yi lai guo le, ni mu qin jiao wo wen ni, ni jiu xian zai kao lu ba!*” Ze Wu Xin shuo.

Glos : “Saya kelmarin sudah datang sudah telah, awak ibu panggil saya tanya awak, awak juga sekarang fikirkan (kata seruan)!” Encik Husin berkata.

Makna : “Saya sudah pun datang kelmarin, ibu kamu meminta saya menanya kamu, kamu fikiranlah sekarang!” Encik Husin berkata.

- b. “Kelmarin saya dah datang, tapi mak kauminta saya berunding dengan kau. Haraplah kautimbangi sekarang juga!” desak Encik Husin.

16a. ... 在他重回家乡土地上时，还对我说...。

Transliterasi : ... *Zai ta cong hui jia xiang du di shang shi, hai dui wo shuo*....

Glos : ... ketika dia semula balik kampung tanah atas semasa, masih dengan saya berkata....

Makna : ‘... ketika dia kembali ke kampung halamannya semula, dia masih memberitahu saya....’

- b. Ketika abah kembali ke tanah tumpahnya dahulu, pernah abah memberitahu emak....

17a. “很好！”卡林说...。

Transliterasi : “*Hen hao!*” *Ka Lin shuo*....

Glos : “Bagus!” Karim berkata.

Makna : “Bagus!” kata Karim.

- b. “Bagus!” sambut Karim.

18a. “还有什么更能使一个失去土地的人感到痛苦呢？”苏莱曼说。

Transliterasi : “*Hai you she me geng neng shi yi ge shi qu tu di de ren gan dao tong ku ne?*” Su Lai Man shuo.

Glos : “Ada apa lagi lebih boleh menyebabkan satu orang kehilangan tanah punya orang terasa kesusahan (kata tanya)?” Sulaiman berkata.

Makna : “Apa lagi yang dapat menyebabkan seseorang itu sedih kalau tidak sebab kehilangan tanah?” Sulaiman berkata.

b. “Apakah yang lebih menyakitkan hati seseorang selain kehilangan tanahnya?” Sulaiman menoal.

19a. “别闹事了，快回去吧，你的妻子和儿女正在等着你！”苏莱曼说。

Transliterasi : “*Bie nao shi le, kuai hui qu ba, ni de qi zi he er nu zhen zai deng zhe ni!*” Su Lai Man shuo.

Glos : “Jangan buat hal sudah lagi, cepat pulang (kata seruan), awak punya isteri dan anak lelaki anak perempuan sedang menunggu (kata bantu) awak!” Sulaiman berkata.

Makna : “Jangan buat hal lagi, balik saja ke rumah, anak isteri kau sedang menunggu,” kata Sulaiman.

b. “Tak usah banyak tingkah, pulanglah ke rumah. Anak bini kau sedang menunggu!” pujuk Sulaiman.

20a. 他母亲看他要出门，便对他说：“别去得太远，丽莎随时要生的。”

Transliterasi : *Ta mu qin kan ta yao chu men, bian dui ta shuo:* “*Bie qu de tai yuan, Li Sha sui shi yao sheng de.*”

Glos : Dia ibu lihat dia mahu keluar pintu, maka dengan dia berkata: “Jangan pergi (kata sendi) terlalu jauh, Li Sha bila-bila mahu bersalin punya.”

Makna : “Ibunya melihat dia mahu keluar, maka pun berkata dengannya: “Jangan pergi terlalu jauh, Li Sha akan bersalin pada bila-bila masa saja.””

b. Sebelum keluar rumah, ibunya berpesan, “Kau jangan pergi jauh-jauh. Lisa akan bersalin bila-bila masa sahaja sekarang.”

21a. 阿旺洋洋自得地说……。

Transliterasi : *A Wang yang yang zi de de shuo....*

- Glos : Awang ingat dirinya tahu semua hal (kata sendi) berkata....
Makna : ‘Awang berkata dengan perasaan megah diri....’

b. ... Awang meneruskan.

22a. 警长面对着这么多张充满愤怒，仇恨的脸孔，知道众情难奈，只好顺风转舵，说道：“好，有话回局里说！”

Transliterasi : *Jing chang mian dui zhe zhe me duo zhang chong man fen nu, chou hen de lian kong, zhi dao zhong qing nan nai, zhi hao shun fen zhuan tuo, shuo dao:* “Hao, you hua hui ju li shuo!”

Glos : Sarjan berhadapan dengan begitu banyak keping penuh marahan, dendam punya muka, tahu banyak emosi sukar ditahan, hanya dapat ikut arah tiupan angin tukar haluan, berkata: “Baik, ada kata balik pejabat dalam berkata!”

Makna : “Berhadapan dengan orang kampung yang beremosi marah dan dendam, sarjan faham yang dia tidak dapat menahan emosi mereka lalu berkata: ‘Baiklah, kalau ada masalah, boleh mengadu di pejabat!””

b. Menghadapi begitu banyak wajah yang marah dan penuh dendam, sarjan polis terasa ini adalah emosi yang bukan dibuat-buat. Maka dia pun bersuara tenang, “Baiklah, kalau kalian ada apa-apa masalah boleh mengadu di pejabat!””

23a “不知道，也许是昨天跟妈谈不出结果，今天再来找你！”丽莎说。

Transliterasi : “Bu zhi dao, ye xu shi zuo tian gen ma tan bu chu jie guo, jin tian zai lai zhao ni !” Li Sha shuo.

Glos : “Tidak tahu, mungkin ialah kelmarin dengan ibu berbual tidak keluar keputusan, hari ini lagi datang cari awak!” Li Sha berkata.

Makna : “Tak tahu lah, mungkin kerana perbicaraan dengan mak kelmarin tidak membawa hasil, maka datang cari kau hari ini!” kata Lisa.

b. “Tak tahu lah! Mungkin kelmarin dia tak dapat keputusan daripada mak. Hari ini dia datang mencari abanglah!” balas Lisa.

24a. “我们快去看！”卡林说。

Transliterasi : “Wo men kuai qu kan!” Ka Lin shuo.

Glos : “Kita cepat pergi tengok!” Karim berkata.

Makna : “Cepat, kita pergi tengok!” kata Karim.

b. “Ayuh, kita pergi tengok!” usul Karim.

25a. “不！”卡林说....。

Transliterasi : “*Bu!*” *Ka Lin shuo*.

Glos : “Tidak!” karim berkata.

Makna : “Tidak!” kata Karim.

b. “Tidak!” tingkah Karim.

26a. “你知道吗？”依沙没头没脑地说....。

Transliterasi : “*Ni zhi dao ma?*” *Yi Sha mei tou mei nao de shuo....*

Glos : “Awak tahukah?” Ishak tidak ada kepala tidak ada otak (kata sendi) berkata....

Makna : “Tahukah awak?” tegas Ishak tanpa berfikir masak-masak.

b. “Tahukah kau?” tegas Ishak....

27a. 父亲看见我...摇着头以苍迈的声调说：“生意是越来越差了。”。

Transliterasi : *Fu qin kan jian wo...yao zhe tou yi chang mai de sheng tiao shuo:* “*Sheng yi yue lai yue cha le.*”

Glos : Bapa nampak saya ... menggelengkan sedang kepala dengan uzur punya suara berkata: “Perniagaan ialah semakin teruk sudah.”

Makna : ‘Apabila bapa nampak saya ... menggelengkan kepala lalu dengan suara uzurnya mengeluh: “Perniagaan kita semakin hari semakin teruk.”’

b. Apabila ayah melihat saya ... lalu menggelengkan kepalanya dan dengan suara tuanya dia mengeluh, “Perniagaan kita makin hari makin merosot!”

28a. ...母亲遗憾地说。

Transliterasi : ... *mu qin yi han de shuo*.

Glos : ... ibu kesal (kata sendi) berkata.

Makna : ‘... ibu menyatakan dengan kesal.’

b. Ibu menyatakan dengan kesalnya.

29a. 说的一切，我都从报章上阅读过...。

Transliterasi : *Ta shuo de yi qie, wo dou cong bao zhang shang yue du guo....*

Glos : Dia berkata punya segala-galanya, saya semua daripada surat khabar atas baca pernah....

Makna : ‘Segala-gala yang dikatakannya itu sudah saya baca daripada surat khabar....’

b. Segala-gala yang disebutnya sudah aku baca melalui surat khabar,

30a. ...躲他十头八天，过了风险再说...。

Transliterasi : ... *duo ta shi tou ba tian, guo le feng xian zai shuo....*

Glos : ... sorot dia sepuluh kepala lapan hari, melalui sudah risiko baru berkata....

Makna : ‘... menyorot beberapa hari dulu, sampai tamat operasi itu barulah merancang langkah seterusnya....’

b. Menyorot di situ buat beberapa hari, menanti operasi berakhir barulah merancang langkah yang seterusnya.

31a. “消息说，一年前领导巡视第三营...。”

Transliterasi : *Xiao xi shuo, yi nian qian ling dao di san ying....*

Glos : Berita berkata, satu tahun dahulu memimpin meronda ketiga kem....

Makna : ‘Menurut berita, orang yang mengetuai pasukan meronda kem ketiga setahun dahulu....’

b. ‘Menurut berita, setahun dahulu, dia ada memimpin anak buahnya pergi memeriksa kem ketiga.’

32a. “英国人还说我们善用土地呢！”

Transliterasi : *Ying guo ren hai shuo wo men shan yong tu di ne!*

Glos : ‘British orang masih berkata kita pandai menggunakan tanah (kata seruan)!’

Makna : ‘Orang British memuji kita pandai menggunakan tanah!’

b. ‘Malah orang putih puji kita pandai memanfaatkan tanah terbiar!’

Sekarang lihat pula 说 (*shuo* ‘berkata’) yang diberi kata padanan berkurangan seperti dalam (33) berikut:

(33) Senarai kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan kata padanan bahasa Melayu:

Bil.	Kata Padanan	Contoh Teks Kehadiran	Jenis Padanan
1.	bersuara	34 a/b	Berkurangan
2.	kira	35 a/b	Berkurangan

Kedua-dua kata padanan di atas merupakan padanan berkurangan kerana apabila dibandingkan dengan 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam teks sumbernya, terdapat perbezaan kandungan makna. Oleh sebab kedua-dua kata padanan ini mempunyai pernyataan logik yang sama dengan (3) dan (5) di atas, maka berikut hanya dikemukakan konteks kehadiran kedua-dua kata padanan tersebut dalam (34a, b) dan (35a, b) bersama-sama dengan analisis komponen maknanya.

34a. 父亲思考了一会儿，说：“有一次差一点在而连突给击毙。

Transliterasi : *Fu qin si kao le yi hui er, shuo* : “*You yi ci cha yi dian zai Er Lian Tu gei ji bi.*”

Glos : Bapa fikir sudah sejenak, berkata: “Ada satu kali hampir-hampir di Jerantut ditembak mati.”

Makna : Bapa fikir sejenak lalu berkata: “Ada satu kali aku hampir-hampir ditembak mati di Jerantut.”

b. Ayah termenung sebentar, lalu bersuara, “Pernah sekali, aku hampir-hampir ditembak mati di Jerantut.”....

Makna kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (34a) ialah mengeluarkan kata-kata daripada mulut; iaitu [+suara, +mulut] sebaliknya makna padanan kata kerja bersuara dalam (34b) ialah mengeluarkan bunyi dan tidak semestinya kata-kata daripada mulut; iaitu [+suara, ±mulut]. Oleh itu, padanan kata kerja bersuara dalam (34b) merupakan terjemahan berkurangan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (34a). Dengan itu, dicadangkan padanan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (34a) ialah berkata.

Dalam kes (35a-b), kata kira digunakan sebagai kata padanan:

35a. “我是说, 不久以后, 那艘铁船, 就将开到这儿了 !”

Transliterasi : *Wo shi shuo, bu jiu yi hou, na sou tie chuan, jiu jiang kai dao zhe er le!*

Glos : “Saya ialah berkata, tidak lama kemudian, itu buah besi

kapal, jadi akan buka sampai sini sudah!”

Makna : “Maksud saya ialah kapal korek itu tidak lama lagi akan sampai ke sini!”

b. “Saya kira tidak lama lagi kapal korek tu akan sampai ke sini!”

Ternyata kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (35a) mempunyai makna konteks; iaitu kata-kata yang diujarkan dalam (35a) sebenarnya merupakan ‘huraian tambahan kepada perkara yang disebut oleh argumen (x) dalam ayat sebelum (35a)’ dalam teks asal yang kurang jelas dan ditanyai orang; iaitu [+mulut, +huraian tambahan]. Oleh itu, 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (35a) sebenarnya bertujuan menjelaskan maksud argumen (x) dalam ayat sebelum (35a). Oleh itu, padanan kata kerja kira dalam (35b) yang bererti memberi pendapat; iaitu [+mulut, +pendapat] ialah terjemahan berkurangan. Dengan ini dicadangkan padanan bagi 说 (*shou* ‘berkata’) dalam (35a) ialah maksud.

Seterusnya, kita lihat pula kata padanan jenis terjemahan berlebihan yang telah diberikan kepada kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) seperti dalam (36) berikut:

(36) Senarai kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan kata padanan bahasa Melayu:

Bil.	Kata Padanan	Contoh Teks Kehadiran	Jenis Padanan
1.	selia	37 a/b	Berlebihan
2.	tambah	38 a/b	Berlebihan
3.	melengking	39 a/b	Berlebihan
4.	mengejek	40 a/b	Berlebihan
5.	tegur	41 a/b	Berlebihan
6.	menurut	42 a/b	Berlebihan
7.	terang	43 a/b	Berlebihan

Kata padanan di atas merupakan terjemahan berlebihan bagi kata kerja 说 (*shou* ‘berkata’) dalam konteks (37) hingga (43) kerana setiap satunya mengandungi komponen makna yang berbeza apabila dibandingkan dengan komponen makna kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam teks sumbernya. Oleh sebab pernyataan logik bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan kata padanannya dalam (37) hingga (43) adalah sama dengan (3) dan (5) di atas, berikut hanya dikemukakan analisis komponen maknanya:

Kes (37a-b) telah memberikan kata sela sebagai terjemahan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’):

37a. ... 苏莱曼兴奋地说。

Transliterasi : ... *Su Lai Man xing fen de shuo.*

Glos : ... Sulaiman riang (kata bantu) berkata.

Makna : ... Sulaiman berkata dengan riang.

b. ... sela Sulaiman.

Padanan kata kerja sela dalam (37b) adalah tidak sesuai dengan konteks (37a) kerana Sulaiman dalam (37a) tidak mengeluarkan kata-katanya di tengah-tengah percakapan orang lain. Fitur-fitur dalam komponen makna kata sela ialah [+mulut, +suara, +menyampuk, +kurang sopan]; iaitu berbeza dengan fitur-fitur dalam komponen makna kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’); yakni [+mulut, +suara, -menyampuk, -kurang sopan]. Oleh itu, kata kerja sela dalam (37b) ialah terjemahan berlebihan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (37a). Dengan itu, dicadangkan padanan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (37a) ialah berkata.

Lihat pula (38a-b) yang memberikan kata tambah sebagai padanan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’):

38a. ... 苏莱曼接口说。

Transliterasi : *Su Lai Man jie kou shuo.*

Glos : ... Sulaiman sambung mulut berkata.

Makna : ‘... Sulaiman bertambah.’

b. ... tambah Sulaiman.

Padanan kata kerja tambah dalam (38b) telah mengambil kira makna kata ‘接口’ (*jie kou* ‘sambung kata’) yang hadir sebelum 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (38a) yang membawa erti tokok tambah; iaitu [+mulut, +suara, +tokok] yang berbeza dengan fitur-fitur semantik kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (38a); iaitu [+mulut, +suara]. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa padanan kata kerja tambah bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (38b) ialah terjemahan berlebihan. Walaupun demikian, padanan kata kerja tambah ini masih diterima sebagai terjemahan sejadi bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (38a) kerana tidak ada padanan lain dalam bahasa sasaran yang lebih sesuai.

Dalam kes (39a-b), kata padanan melengking digunakan:

39a. 依沙扬着手中的巴冷刀，大声地说……。

Transliterasi : *Yi Sha yang zhe shou zhong de ba leng dao, da sheng de shuo....*

Glos : Ishak mengacungkan sedang tangan dalam punya parang pisau, kuat suara (kata bantu) berkata....

Makna : ‘Ishak mengacungkan parang yang ada di tangannya, berkata dengan suara yang kuat....’

b. Ishak mengacungkan parang di tangannya sambil melengking....

Padanan kata kerja melengking dalam (39b) telah mengambil kira makna ‘大声’ (*da sheng* ‘suara kuat’) yang berfungsi sebagai kata adverba bagi menerangkan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (39a). Fitur-fitur semantik bagi kata melengking di sini ialah [+mulut, +suara kuat, +hilang kawalan diri]; iaitu berbeza dengan fitur-fitur bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (39a); yakni [+mulut, +suara]. Oleh itu, padanan kata kerja melengking ialah terjemahan berlebihan bagi kata 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (39a). Walaupun demikian, padanan kata kerja melengking adalah tepat dalam konteks (39b) kerana padanan ini berjaya mengungkapkan makna asal dalam (39a) dengan mengikut emik bahasa Melayu. Dengan itu, padanan kata kerja melengking ini masih diterima sebagai terjemahan sejadi bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (39a) kerana tidak ada padanan lain dalam bahasa sasaran yang lebih sesuai.

Lihat pula (40a-b) yang kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalamnya dipadankan dengan kata mengejek:

40a. …你们这批不知天高地厚的家伙…!”阿旺嘲笑着说。

Transliterasi : “…ni men zhe pi bu zhi tian gao di hou de jia huo...!” A Wang chao xiao zhe *shuo*.

Glos : “… kalian sekumpulan tidak tahu langit tinggi tanah tebal punya orang...!” Awang mengejek (kata sendi) berkata.

Makna : “Kalian memang seperti katak di bawah tempurung...!” ekek Awang .’

b. “… tolol benar kalian tidak tahu bagaimana tinggi rendahnya bumi dan langit,” Awang mengejek.

Kata 嘲笑 (*chao xiao* ‘mengejek’) dalam (40a) telah mempengaruhi makna padanan kata kerja mengejek dalam (40b). Fitur-fitur dalam komponen makna kata mengejek ialah [+mulut, +suara, +cemuhan, +sindiran]; iaitu berbeza dengan fitur-fitur kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (40a); yakni [+mulut, +suara, ± cemuhan, -sindiran]. Oleh itu, padanan kata kerja mengejek ialah terjemahan berlebihan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (40a). Walaupun demikian, padanan kata kerja mengejek ini masih diterima sebagai terjemahan sejadi bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (40a) kerana tidak ada padanan lain dalam bahasa sasaran yang lebih sesuai.

Seterusnya, lihat juga (41a-b) yang menggunakan kata padanan tegur:

41a. “看你湿成这个样子，快去冲个凉，换件干衣服，不要着了凉！”他母亲关切地说。

Transliterasi : “Kan ni shi cheng zhe ge yang zi, kuai qu chong ge liang, huan jian gan yi fu, bu yao zhao le liang!” ta mu qin guan qie de *shuo*.

Glos : “Lihat kamu basah menjadi begini rupa, cepat pergi tumpah satu dingin, tukar helai kering baju, jangan kena sudah dingin!” Dia ibu ambil perhatian (kata sendi) berkata.

Makna : ‘Pasal apa basah begini, cepat pergi mandi, tukarlah baju kering, jangan nanti kena demam pula!’, kata ibunya dengan penuh perhatian.’

b. ‘Mengapa kau basah kuyup! Ayuh, pergi mandi, dan tukar baju, masuk angin nanti,’ tegur ibunya mesra.

Kata adverba ‘关切’ (*guan qie* ‘ambil perhatian’) yang hadir sebelum kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (41a) yang mengandungi fitur-fitur [+mulut, +suara, +nasihat +memperingatkan, + kasih sayang] turut mempengaruhi makna kata kerja tegur dalam (41b). Fitur-fitur semantiknya ternyata berbeza dengan fitur-fitur kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (41a); iaitu [+mulut, +suara, ± nasihat, -kasih sayang]. Oleh itu, padanan kata kerja tegur ialah terjemahan berlebihan bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (41a). Walaupun demikian, padanan kata kerja tegur ini masih dapat diterima sebagai terjemahan sejadi bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (41a) disebabkan maknanya paling hampir dengan makna kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (41a) dan diterima oleh ragam penggunaan dalam bahasa sasaran.

Kes (42a-b) memberikan padanan kata menurut:

42a. 她说如果是妈妈叫她去买，一定到我家店里去。

Transliterasi : *Ta shuo ru guo shi ma ma jiao ta qu mai, yi ding dao wo jia dian li qu.*

Glos : Dia (gender perempuan) berkata jika ialah ibu menyuruh dia (gender perempuan) pergi beli, tentu datang saya keluarga kedai dalam pergi.

Makna : Dia berkata jika ibunya menyuruh dia membeli barang, sudah tentu dia akan datang ke kedai keluarga saya.

b. Menurut Siew Li , jika emaknya menyuruh dia membeli barang, sudah tentu dia akan datang ke kedai kami.

Padanan kata kerja menurut dalam (42b) mengandungi ‘unsur seperti yang dikatakan’. Akan tetapi, kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (42a) hanya bermakna berkata. Daripada segi fitur-fitur semantik, kata menurut mempunyai fitur-fitur [+mulut, +suara, +patuh kepada] yang berbeza dengan fitur-fitur kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) [+mulut, +suara, ±patuh kepada]. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa padanan kata kerja menurut dalam (42b) ialah terjemahan berlebihan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (42a). Dengan itu dicadangkan padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (42a) ialah berkata.

Seterusnya, lihat pula (43a-b) yang menggunakan kata terang sebagai kata padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’):

43a. 徐自强立刻说：“我妹妹肚子痛得厉害，请您去看看！”

Transliterasi : *Xu Zi Qiang li ke shuo:* “Wo mei mei du zi tong de li hai, qing nin qu kan kan!”

Glos : Xu Zi Qiang segera berkata: “Saya adik perempuan perut sakit (kata bantu) serius, sila kamu (panggilan untuk orang berstatus tinggi atau dihormati) pergi tengok-tengok!”

Makna : ‘Xu Zi Qiang segera menjawab: “Perut adik perempuan saya sakit serius, tolonglah pergi merawatnya!”’

b. “Adik saya sakit kuat. Tolonglah doktor ke rumah saya sekarang juga,” terang Xu dengan segera.

Kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (43a) mempunyai makna konteks; iaitu kata-kata Xu itu sebenarnya merupakan jawapan kepada soalan yang

dikemukakan oleh doktor dan bukannya memberi penjelasan pada sesuatu yang kurang jelas seperti yang cuba diungkapakan oleh padanan kata kerja terang dalam (43b). Hal ini jelas diperlihatkan oleh perbezaan fitur-fitur semantik bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (43a); iaitu [+mulut, +suara, +jawapan, ±penjelasan] dan kata terang [+mulut, +suara, ±jawapan, +penjelasan]. Oleh itu, padanan terang dalam (43b) merupakan terjemahan berlebihan bagi kata 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (43a). Dengan itu dicadangkan padanan bagi kata 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (43a) ialah menjawab.

Akhir sekali, perhatikan kes kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) yang diberi kata padanan jenis terjemahan salah dalam (45) hingga (50). Kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) yang diberi kata padanan salah adalah seperti dalam (44) berikut:

Bil.	Kata Padanan	Contoh Teks Kehadiran	Jenis Padanan
1.	menyambung	45 a/b	Salah
2.	meminta	46 a/b	Salah
3.	menasihati	47 a/b	Salah
4.	berbual	48 a/b	Salah
5.	menghiburkan	49 a/b	Salah
6.	menyampuk	50 a/b	Salah

(44) Senarai kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan kata padanan bahasa Melayu:

Dalam konteks (45) hingga (50), kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dan kata padanannya masing-masing mempunyai pernyataan logik yang sama seperti dalam (3) dan (5), maka berikut hanya dikemukakan perbezaan komponen maknanya yang membawa kepada terjemahan salah.

Kes (45a-b) memberikan padanan kata menyambung:

45a. 秀琪隔着帐布，像是看到母亲在发楞在沉思在忧虑，便补充着说。

Transliterasi : Xiu Qi ge zhe zhang bu, xiang shi kan dao mu qin zai fa leng zai chen si zai you liu, bian bu chong zhe shuo.

Glos : Xiu Qi bersebelahan (kata sendi) khemah kain, seperti ialah

PENTERJEMAHAN KATA KERJA BAHASA MANDARIN KEPADA BAHASA MELAYU

nampak ibu sedang bingung sedang merenung sedang gelisah, maka menambah (kata sendi) **berkata**.

Makna : ‘Berdiri di sebelah kelambu, Xiu Qi seakan-akan ternampak ibunya sedang merenung dengan penuh kebingungan dan kegelisahan lalu tambahnya lagi.’

- b. Kemudian dia menyambung.... Di luar kelambu, Xiu Qi nampak emaknya sedang mengelamun resah.

Makna kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (45a) dipengaruhi oleh kata 不充 (*bu chong* ‘bertambah’) yang hadir sebelumnya. Padanan kata kerja menyambung dalam (45b) hanya bertujuan untuk meneruskan kata-kata yang belum habis diujarkan dan bukan bertujuan untuk menambah kata-kata yang tidak sempurna diujarkan sebelumnya. Fitur-fitur dalam komponen makna kata menyambung; iaitu [+meneruskan, +memanjangkan sesuatu ujaran] berbeza dengan fitur-fitur dalam komponen makna kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (45a); iaitu [+mulut, +suara, -memanjangkan]. Dengan itu, padanan kata kerja menyambung dalam (45b) merupakan terjemahan salah. Oleh itu, dicadangkan padanan yang sesuai bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (45a) ialah bertambah yang maknanya merangkumi makna kata 不充 (*bu chong* ‘bertambah’) yang hadir sebelumnya.

Lihat seterusnya (46a-b) yang menggunakan kata meminta sebagai padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’):

- 46a. 每一位施与意见的社会贤达与精英都说:“先组织起来；团结就是力量；立场要坚定！”....

Transliterasi : *Mei yi wei shi yu yi jian de she hui xian da yu jing ying dou shuo*: “xian zu zhi qi lai; tuan jie jiu shi li liang; li zhang yao jian ding!”

Glos : Setiap orang yang menyumbangkan cadangan punya masyarakat budiman dan orang bijaksana semuanya **berkata**: “Dulu mengorganisasikan bangun; bersatu ialah tenaga; pendirian mahu teguh!”

Makna : ‘Semua budiman dan orang yang bijaksana dalam masyarakat yang telah mengemukakan cadangan mereka menyeru: “Bersatu kita menjadi teguh. Tetapkan pendirian kita.”’

- b. Akhirnya terdapat cadangan daripada pihak yang bijaksana, meminta supaya para pekebun bersatu dan bertegas dengan pendirian.

Makna 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (46a) dipengaruhi oleh konteksnya yang bertujuan untuk ‘menyeru’; iaitu mengandungi fitur [+seru]. Sebaliknya, padanan kata kerja meminta dalam (46b) bertujuan untuk mendapatkan keizinan; iaitu mengandungi fitur [+izin, -seru]. Oleh itu, padanan kata kerja meminta dalam (46b) ialah terjemahan salah bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (46a). Dengan itu, dicadangkan padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (46a) ialah menyeru.

Kita lihat pula kes (47a-b); di situ kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dipadankan dengan kata menasihati:

47a. 骆亚国继续说：“爸，无论如何，如果情况不对劲，要赶快跑开。”

Transliterasi : *Luo Ya Guo ji xu shuo*: “Ba, wu lun ru he, ru guo qing kuang bu dui jing, yao kan kuai pao kai.”

Glos : Luo Ya Guo terus berkata: “Ayah, walau bagaimanapun, jika keadaan tidak betul, mesti cepat-cepat lari.”

Makna : ‘Sambung Luo Ya Guo: “Ayah, walau bagaimanapun, jika keadaan berubah, cepat-cepat lari dari sini.”’

b. Lok Ah Kok menasihati, “Bagaimanapun, ayah beredarlah segera, bimbang kalau-kalau berlaku huru-hara!”

Kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (47a) mendukung makna konteks. Hal ini demikian disebabkan oleh perkara yang disebut dalam (47a) diteliti, didapati bahawa penuturnya memang ‘berniat untuk memberi nasihat’ kepada ayahnya. Akan tetapi, padanan kata kerja menasihati dalam (47b) adalah tidak sesuai dengan konteks ayat (47b). Hal ini begitu disebabkan dalam penuturan bahasa Melayu, kata kerja menasihati digunakan oleh orang yang lebih tinggi statusnya dalam masyarakat kepada orang yang lebih rendah statusnya dalam masyarakat seperti daripada ibu bapa kepada anak, daripada guru kepada anak murid, daripada pegawai kepada orang ramai. Komponen makna bagi kata menasihati mengandungi fitur [+status tinggi]. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa padanan kata kerja menasihati bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) ialah terjemahan salah. Dengan itu, dicadangkan supaya kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (47a) dipadankan dengan kata kerja sambung yang lebih neutral yang bersifat [-status tinggi]; iaitu dengan mengambil kira makna kata adverba 继续 (*ji xu* ‘sambung’) yang hadir sebelumnya dalam (47a).

Lihat pula (48a-b) yang memadankan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’)

dengan kata padanan berbual:

48a. 那洋人正是锡矿经理，只见他指指点点，跟他的随从在说些什么，那些随从，都恭敬的听着。(D 91.10.2)

Transliterasi : *Na yang ren zheng shi xi kuang jing li, zhi jian ta zhi zhi dian dian, gen ta de sui cong zai shuo xie she me, na xie sui cong, dou kong jing de ting zhe.*

Glos : Itu putih orang betul ialah bijih timah lombong pengurus, hanya nampak dia tunjuk-tunjuk titik-titik, ikut dia punya pengiring sedang berkata sedikit apa, itu (jamak) pengiring, semuanya hormat (kata sendi) dengar sedang.

Makna : ‘Orang putih itulah pengurus lombong bijih timah, kelihatan dia sedang memberi arahan kepada pengiring-pengiringnya, pengiring-pengiring itu pula mendengar dengan penuh hormat.’

b. Orang putih itu ialah pengurus lombong timah. Dia berbual mesra dengan pengiring-pengiringnya, dan mereka pula mendengar dengan penuh hormat.

Terdapat makna konteks bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (48a); iaitu ia mempunyai maksud ‘memberi arahan’. Kata 指指点点 (*zhi zhi dian dian* ‘mengarah’) yang hadir sebelum kata 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (48a) memperlihatkan maksud ini. Padanan kata kerja berbual dalam (48b) tidak berjaya menyampaikan makna konteks. Ini demikian kerana fitur semantik bagi kata berbual ialah [-arah]. Oleh itu, padanan kata kerja berbual dalam (48b) ialah terjemahan salah bagi 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (48a). Dengan ini dicadangkan padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (48a) ialah memberi arahan.

Dalam kes (49a-b), kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) diberi padanan menghiburkan:

49a. “那些问题，留待明日才想办法吧！”丽莎安慰地说。

Transliterasi : “*Na xie wen ti, liu dai ming ri cai xiang ban fa ba!*” *Li Sha an wei de shuo.*

Glos : “Itu masalah, simpan tunggu esok baru fikirkan cara (kata seruan)!” Lisa menenangkan (kata bantu) berkata.

Makna : “Esok barulah fikirkan cara menyelesaikan masalah itu!”

Kata Lisa untuk menenangkan.’

- b. “Hal-hal begitu biar diselesaikan besok saja,” Lisa cuba menghiburkan suaminya.

Padanan kata kerja menghiburkan dalam (49b) mempunyai maksud ‘suka hati’; yakni mengandungi fitur [+suka hati]. Akan tetapi, kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (49a) tidak berkaitan langsung dengan ‘suka hati’; iaitu mengandungi fitur [-suka hati]. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa padanan kata kerja menghiburkan dalam (49b) ialah terjemahan salah bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (49a). Dengan itu dicadangkan padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (49a) ialah kata.

Dalam kes (50a-b) pula, kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) diberi kata padanan menyampuk:

50a. 三哥这时接口说....。

Transliterasi : *San ge zhe shi jie kou shuo....*

Glos : Tiga abang ini masa sambung mulut berkata....

Makna : Pada masa ini, abang yang ketiga sambung berkata....

- b. Abang yang ketiga kini pula menyampuk....

Padanan kata kerja menyampuk dalam (50b) mempunyai maksud ‘memotong percakapan orang’; iaitu mengandungi fitur [+memotong percakapan orang]. Akan tetapi, keadaan ini sememangnya tidak wujud dalam konteks (50a). Oleh itu, padanan kata kerja menyampuk dalam (50b) merupakan terjemahan salah bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (50a). Dengan ini dicadangkan padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) dalam (50a) ialah berkata.

Melalui analisis di atas, dapat dicatatkan bahawa terdapat 35 padanan bagi kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) yang sesuai. Daripada 35 kata padanan itu, 27 merupakan terjemahan tepat (2b, 7b hingga 32b), empat terjemahan berlebihan (38b hingga 41b) yang dianggap masih sesuai dan sejadi, dan yang selebihnya, iaitu satu padanan cadangan yang telah diberikan mengikut konteks kehadirannya dalam jenis terjemahan berkurangan (35b) serta tiga padanan cadangan yang telah diberikan mengikut konteks kehadirannya dalam jenis terjemahan salah (46b hingga 48b). Jadual 1 berikut menunjukkan padanan kata kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) yang sesuai dan sejadi dalam bahasa Melayu mengikut konteks kehadirannya:

PENTERJEMAHAN KATA KERJA BAHASA MANDARIN KEPADA BAHASA MELAYU

Jadual 1 Padanan Kata Kerja 說 (*shuo* ‘berkata’)

Bil	Konteks Kehadiran	Padanan	Jenis Padanan	Catatan
1.	2a/b	kata	Tepat	
2.	7 a/b	membacakan	Tepat	
3.	8 a/b	bercakap	Tepat	
4.	9 a/b	ujar	Tepat	
5.	10 a/b	menceritakan	Tepat	
6.	11 a/b	sahut	Tepat	
7.	12 a/b	mengucap	Tepat	
8.	13 a/b	menjawab	Tepat	
9.	14 a/b	berpidato	Tepat	
10.	15 a/b	desak	Tepat	
11.	16 a/b	memberitahu	Tepat	
12.	17 a/b	sambut	Tepat	
13.	18 a/b	menyoal	Tepat	
14.	19 a/b	pujuk	Tepat	
15.	20 a/b	berpesan	Tepat	
16.	21 a/b	meneruskan	Tepat	
17.	22 a/b	mengadu	Tepat	
18.	23 a/b	balas	Tepat	
19.	24 a/b	usul	Tepat	
20.	25 a/b	tingkah	Tepat	
21.	26 a/b	tegas	Tepat	
22.	27 a/b	mengeluh	Tepat	
23.	28 a/b	menyatakan	Tepat	
24.	29 a/b	disebut	Tepat	
25.	30 a/b	merancang	Tepat	
26.	31 a/b	menurut	Tepat	
27.	32 a/b	puji	Tepat	
28.	35 a/b	kira	Berkurangan	Cadangan: maksud

sambungan **Jadual 1** Padanan Kata Kerja 说 (*shuo* ‘berkata’).

Bil	Konteks Kehadiran	Padanan	Jenis Padanan	Catatan
29.	38 a/b	tambah	Berlebihan	Sesuai digunakan
30.	39 a/b	melengking	Berlebihan	Sesuai
31.	40 a/b	mengejek	Berlebihan	Sesuai
32.	41 a/b	tegur	Berlebihan	Sesuai
33.	46 a/b	meminta	Salah	Cadangan: menyeru
34.	47 a/b	menasihati	Salah	Cadangan: sambung
35.	48 a/b	berbual	Salah	Cadangan: memberi arahan

Dari pada 35 kata padanan ini, dapat digolongkan kepada 24 kriteria penggunaannya seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Padanan Kata Kerja 说 (*shuo* ‘berkata’) Mengikut Kriteria Penggunaannya.

Bil.	Kriteria	Padanan (konteks kehadiran)
1.	Mengeluarkan kata-kata	Ujar (9b), disebut (29b), kata (2b), bercakap (8b)
2.	Mmenyampaikan maklumat	Memberitahu (16b)
3.	Membaca sesuatu tulisan	Membacakan (7b)
4.	Merancang sesuatu	Merancang (30b)
5.	Pengaruh kata-kata adverba/kata kerja lain yang wujud sebelumnya	Tambah (38b), tegur (41b), melengking (39b), sambung (47b), mengejek(40b)
6.	Yang berkata itu bukan manusia	Menurut (31b)
7.	Mengisahkan sesuatu	Menceritakan (10b)
8.	Menjawab/membalas kata-kata orang lain	Sahut (11b), sambut(17b), menjawab (3b), tingkah (25b) , balas (23b)
9.	Bertujuan memuji	Puji (32b)
10.	Berkata di khalayak ramai	Berpidato (14b)
11.	Berunsurkan paksaan	Desak (15b)
12.	Berunsurkan pertanyaan	Menyoal (18b)

sambungan Jadual 2 Padanan Kata Kerja 说 (shuo ‘berkata’) Mengikut Kriteria Penggunaannya.

Bil.	Kriteria	Padanan (konteks kehadiran)
13.	Bertujuan memujuk	Pujuk (19b)
14.	Berunsurkan nasihat	Berpesan (20b)
15.	Menyambung kata-kata sebelumnya	Meneruskan (21b)
16.	Meminta keadilan dan pertolongan	Mengadu (22b)
17.	Bertujuan mengarah	Memberi arahan (48b)
18.	Memberi cadangan	Usul (24b)
19.	Menambahkan sesuatu huraian	Maksud (35b)
20.	Memastikan kata seseorang	Tegas (26b)
21.	Berperasaan dukacita	Mengeluh (27b)
22.	Bertujuan memanggil	Menyeru (46b)
23.	Mengeluarkan kata-kata baik	Mengucapkan (12b)
24.	Memberitahu dan menjelaskan sesuatu	Menyatakan (28b)
		Jumlah Kata Padanan: 35

Secara keseluruhannya, padanan jenis terjemahan tepat merupakan padanan bagi kata kerja 说 (shuo ‘berkata’) yang bersifat kata kerja konkret dan yang maknanya dipengaruhi oleh konteks penggunaannya dalam teks sumber. Padanan jenis terjemahan berlebihan pula lebih merupakan padanan bagi kata kerja 说 (shuo ‘berkata’) yang maknanya dipengaruhi oleh konteks penggunaannya serta kata-kata lain yang berdampingan dengannya dalam teks sumber. Bagi terjemahan berlebihan yang berlaku akibat pengaruh kata-kata yang berdampingan dengan kata kerja 说 (shuo ‘berkata’) dalam teks sumber tetap diterima sebagai terjemahan sejadi disebabkan tidak ada padanan lain yang lebih sesuai dalam bahasa sasaran.

Tingkah laku kata kerja 说 (shuo ‘berkata’) mempunyai pelbagai kata padanan dalam bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang terasing. Sebaliknya, dalam kajian kami terhadap sembilan kata kerja yang lain, kesemuanya turut memperlijhatkan tingkah laku yang demikian juga. (Sila lihat Lampiran II).

LAMPIRAN I**Senarai Teks Sumber**

Bil.	Tajuk Teks Sumber	Cerpenis
1.	细雨纷纷 (<i>xi yu fen fen</i> ‘Dalam Hujan Renyai’)	小黑 (Xiao Hei)
2.	流民 (<i>liu min</i> ‘Orang hanyut’)	凡民 (Fan Min)
3.	打猎 (<i>da lie</i> ‘Berburu’)	马汗 (Ma Han)
4.	咸水芭事件 (<i>xian shui ba shi jian</i> ‘Kisah Perkebunan Kiem Cui’)	郑可达 (Zheng Ke Da)
5.	不出卖土地的人 (<i>bu chu mai tu di de ren</i> ‘Mereka yang Enggan Menjual Tanah’)	雨川 (Yu Chuan)
6.	安享晚年 (<i>an xiang wan nian</i> ‘Hari-hari Menjelang Tua’)	叶蕾 (Ye Lei)

LAMPIRAN II

Senarai Padanan Kata Kerja

Bil	Sebutan	Kata asal	Padanan	Bil. Padanan	Bil. Ayat
			(Angka menunjukkan jumlah ayat dalam teks sasaran yang mengandungi kata kerja berkaitan tetapi tidak disertakan dalam makalah ini)		
1.	<i>shuo</i>	说	Kata [berkata, mengatakan] (20), membacakan (1), cakap [bercakap] (3), ujar (2), menceritakan [bercerita] (4), sahut [menyahut] (2), ucap [mengucap] (2), menjawab [jawab] (3), berpidato (1), desak (1), beritahu [diberitahu, memberitahu] (10), sambut (1), menyoal (1), pujuk (1), berpesan (1), meneruskan (1), mengadu (1), balas (2), usul (1), tingkah (1), tegas (1), mengeluh (1), menyatakan (1), disebut (1), bersuara [menyuarkan] (3), kira (1), sela (1), tambah [menambah] (2), melengking (1), mengejek (1), tegur (1), menurut (1), terang (1), menyambung (1), meminta (1), menasihati (1), berbual (1), menghiburkan (1), menyampuk (1), merancang (1), menurut (1), puji (1)	42	83
2.	<i>kan</i>	看	Merenung [merenungi] (2), lihat [melihat, kelihatan, terlihat] (7), tengok (2), nampak [ternampak] (7), memandang (5), menonton (1), disaksikan (1), berjumpa (1), membiarkan (1), dapat (1), dibuktikan (1), menyedari (1), padanan kosong (2)	13	32
3.	<i>da</i>	打	Menaip (1), dipacak (1), dipukul (1), mendapat (1), membuat (1), menembak (1), diburu (1), mencuba (1), mengantuk (2), bertempur (1), bekerja (1), bergelodak (1), padanan kosong (3)	13	16

sambungan Lampiran II Senarai Padanan Kata Kerja.

Bil	Sebutan	Kata asal	Padanan	Bil. Padanan	Bil. Ayat
4.	<i>zou</i>	走	Berjalan [perjalanan] (5), menuju (4), sampai (1), maju (1), meniti (1), direntasi (1), tempuh (1), melalui (1), pergi (3), merintis (1), menghala (1), beredar (1)	12	21
5.	<i>zuo</i>	做	Membuat [dibuat] (3), memohon (3), kerjakan [bekerja] (3), dibunuh (1), menjadi [dijadikan] (2), dilakukan (1), menyiapkan (1), mendapat (1), memiliki (2), mencari (1), bermula (2)	11	20
6.	<i>na</i>	拿	Ambil [mengambil] (2), mendapat (1), memperoleh (1), membawa (1), menghulurkan (1), memiliki (1), mengambil dan menyembunyikan (1), padanan kosong (1)	8	9
7.	<i>yong</i>	用	Menggunakan [digunakan] (2), berbekalkan (1), dinanti-nantikan (1), mengambil (1), pergi (1), dengan (2), laku (1), padanan kosong (4)	8	13
8.	<i>kai</i>	开	buka [membuka, dibuka] (6), memasang [dipasang] (2), menuliskan (1), menetapkan (1), ditebuk (1), memecut (1), padanan kosong (1)	7	13
9.	<i>wen</i>	问	Tanya [bertanya, bertanyakan, menanyakan] (8), menyoal [disoal] (3), meminta penjelasan (1), tingkah (1), tegur (1), berunding (1)	6	15
10.	<i>gao shu</i>	告诉	beritahu [memberitahu] (4), katakan (1), maklumkan (1), mengingatkan (1), menerangkan (1), menyedari (1)	6	9
			Jumlah	126	231

LAMPIRAN III

Maklumat Notasi

- \$ = lambang logik bagi menyatakan ‘hadir, ada’ = ‘there is’
- x, y, z = lambang x, y, z ialah angkubah atau argumen, iaitu kata nama (+N) yang berfungsi sebagai subjek, objek (langsung), matlamat atau z (objek oblik)
- \underline{x} = argumen yang berfungsi sebagai +N subjek; ia ditandai x bergaris di bawahnya, \underline{x} yang berfungsi subjek
- $+k(x,y)$ = Agen (\underline{x}) yang berfungsi subjek berbuat sesuatu (+k) kepada y ; misalnya: (\underline{x}) *memukul (+k) tikus (y)*
- $+k(x,y)z$ = Agen (\underline{x}) memberi (+k) z (objek) kepada y (matlamat)
- $\$x,y,z$ = Ada argumen \underline{x} sebagai subjek, argumen y sebagai matlamat dan z sebagai objek
- $k(x(AGEN))$ = \underline{x} ialah argumen agen (subjek) melakukan sesuatu (k); misalnya: *Ali (\underline{x})*

RUJUKAN

- Chierchia, Gennaro dan Mc Connel-Ginet, Sally, 1990. Cetakan 3, *An Introduction to Semantics*. London: The MIT Press.
- Goh Sang Seong, 2003. "Penterjemahan Bahasa Mandarin kepada Bahasa Melayu: Kajian Padanan Kata Kerja dalam Cerpen Pilihan Sastera Mahua III: Dalam Hujan Renyai". Tesis Sarjana Sastera. Universiti Sains Malaysia.
- Kempson, Ruth M., 1977. *Semantic Theory*. London: Cambridge University Press.
- Im Chuan Boon. 2000. Cerpen Pilihan Sastera Mahua III: *Dalam Hujan Renyai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newmark, Peter, 1981. *Approaches to Translation*. London: Ergamon Press Ltd.
- Nida, A. Eugene & Charles R. Taber, 1969. *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, A. Eugene, 1975. *Componential Analysis of Meaning*. 2nd Printing. New York: Mouton Publishers.
- Nida, Eugene A., 1975. *Menerokai Struktur Semantik*. Terjemahan Mashudi Kader (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.